

01 APR 2002

Kereta Kebal (Bergambar)

KEMENTERIAN PERTAHANAN PASTIKAN KERETA KEBAL TAK ROSAKKAN JALAN RAYA

KAJANG, 1 April (Bernama) -- Kementerian Pertahanan akan memastikan penggunaan kereta kebal yang akan dibeli dari Poland, tidak merosakkan permukaan jalan raya di negara ini.

Menterinya Datuk Seri Najib Tun Razak berkata kereta kebal jenis PT-91 seberat 45,000 kilogram itu akan diangkut dengan treler untuk menentukan jalan tidak rosak.

"Kita dah beli treler low loader. Selain itu semua kereta kebal ini akan dipasang dengan trek getah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan upacara pecah tanah Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (IPSTP) di Semenyih hari ini.

Trek getah mungkin akan dipasang oleh syarikat-syarikat tempatan yang telahpun memajukan teknologi itu. Trek itu telah dipasang pada kenderaan roda berunut seperti Scorpion dan Stormer milik tentera darat.

Beberapa tahun lepas, pakar-pakar pertahanan pernah berkata jalan raya dan muka bumi Malaysia yang lembut tidak dapat menampung beban kereta kebal.

Najib berkata Malaysia dijangka mempunyai satu rejimen kereta kebal tempur utama (sekitar 50 kereta kebal) dari jenis PT-91 dari Poland seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika lawatannya ke negara itu baru-baru ini.

Mengenai kompleks IPSTP, beliau berkata ia akan menjadi pemangkin kepada pembangunan teknologi pertahanan tempatan bagi dapat membantu industri pertahanan negara yang sedang berkembang masa ini.

Fasa pertama kompleks berharga RM26 juta.

IPSTP bermula sebagai Pusat Sains dan Teknologi Tempatan di Jalan Padang Tembak pada 1968. Peranannya sekarang ialah untuk membantu Kementerian Pertahanan membuat penilaian terhadap sebarang teknologi pertahanan yang ingin diperolehi.

Pusat itu kini telah dinaikkan taraf menjadi sebuah jabatan. Ia dijangka siap Julai tahun depan.

-- BERNAMA

SLR MAD MAI